

ULASAN FILEM / FILM REVIEW

Media dan Propaganda Islamophobia: Analisis Filem American Sniper (2014)

Media and Islamophobia Propaganda : An Analysis of the Film American Sniper (2014)

Norsannah Hamzah[1*], Kartini Aboo Talib @ Khalid[1,2,3]

[1]Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

[2]Chair of Malaysian Studies, Victoria University of Wellington, New Zealand

[3]Research Fellow, Faculty of Arts & Social Sciences, Universiti Malaya, Malaysia

Norsannah Hamzah (*Penulis Koresponden)

Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

p144785@siswa.ukm.edu.my

PENGENALAN

Salah satu faktor yang sering dibincangkan dalam penyebaran Islamophobia dalam kalangan masyarakat Eropah dan Amerika Syarikat ialah peranan media massa dalam membentuk pemikiran masyarakat terhadap peristiwa 11 September 2001. Media bukan sahaja menyampaikan maklumat, malah turut memilih sudut penceritaan, imej dan bahasa yang boleh mempengaruhi cara sesuatu kumpulan difahami. Dalam konteks ini, media boleh dilihat memainkan peranan yang relevan dalam mengkonstruk sentimen Islamophobia dalam kalangan masyarakat sejagat. Rasionaliti hujah ini adalah berdasarkan kepada tiga faktor. Faktor pertama Islamophobia telah diiktiraf dengan secara tersendiri dan jitu sebagai satu cara sekuritisasi dengan sasaran khusus terhadap masyarakat Islam dalam konteks objektif tertentu, kepentingan dan kekhuatiran aktor politik yang berkuasa (Ahmed 2015). Apabila sesuatu perkara disekuritisasikan bermakna ia adalah sesuatu yang mendatangkan ancaman (*existential threat*) dan pihak berkuasa boleh bertindak di luar dari kebiasaannya.

Faktor seterusnya, ialah hubungan antara wacana sekuritasi dengan peningkatan kebimbangan dan prasangka terhadap masyarakat Islam. Karikatur dan filem yang menggambarkan Islam secara negatif, misalnya *Innocence of Muslim* (2012) sering mencetuskan perdebatan dan reaksi dalam masyarakat khususnya umat Islam di seluruh dunia. Malah kesinambungan filem-filem seperti *Innocence of Muslims* (2012), *American Sniper* (2014), *Zero Dark Thirty* (2012), *13 Hours: The Secret Soldiers of Benghazi* (2016) dan *The Hurt Locker* (2008) yang mana kelima-lima filem ini dapat dilihat secara halus wujudnya elemen-elemen propaganda anti-Islam melalui naratif Islamophobia. Kertas kerja ini memfokuskan salah satu filem di atas iaitu *American Sniper* (2014) dalam menjustifikasikan propaganda Islamophobia yang tersembunyi melalui mesej yang disampaikan di dalam filem dan bukan untuk menentukan niat peribadi pembikin filem tersebut.

https://doi.org/10.17576/joeds-2026-0402-06
Article History: Received: 13 September 2024 | Accepted: 23 October 2026 | Published: 1 December 2026

Faktor ketiga berkaitan dengan peranan media dalam mempromosikan imej negatif mengenai agama Islam dan masyarakat Islam. Jika diteliti, kebanyakan media Barat secara berkesinambungan semenjak pelancaran "War On Terror" mempamerkan imej stereotaip yang negatif mengenai umat Islam, seperti agama Islam sebagai agama yang mempromosikan keganasan dan penindasan. Sudah setentunya imej negatif ini mempengaruhi persepsi sebilangan besar warga dunia yang menilai Islam mengikut perspektif apa yang disampaikan media kepada mereka, tanpa membuat kajian yang sebenarnya mengenai Islam. Perkara ini menunjukkan gambaran mengenai Islam di Barat adalah dikonstruk oleh imej media, dengan erti kata lain persepsi pihak Barat adalah hasil yang dibentuk oleh media massa (Pratt 2011).

Justeru, kertas kerja ini akan menganalisis bagaimana peranan media dalam memainkan naratif Islamophobia sebagai ancaman, identiti Muslim dan keganasan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dan pembacaan tekstual terhadap filem American Sniper (2014). Filem ditonton dengan memberi tumpuan kepada adegan dan dialog yang berkaitan dengan tiga tema utama, iaitu pembinaan ketakutan, representasi prasangka dan stereotaip terhadap Muslim, serta gambaran kemarahan dan penggunaan kekerasan. Adegan dipilih berdasarkan kaitannya dengan persoalan kajian, bukan melalui persampelan statistik. Pemerhatian direkodkan dengan meneliti dialog, watak, latar visual dan cara adegan disusun dalam naratif bukannya dakwaan tentang niat pembikin filem.

TEORI DAN KONSEP UTAMA

KONSTRUKTIVISME SOSIAL

Kertas kerja ini menggunakan teori sosial konstruktivisme sosial. Teori ini memberi penekanan terhadap impak sesuatu idea. Konstruktivis menganggap kepentingan dan identiti sesebuah negara adalah cenderung dibentuk (dikonstruk) dari hasil proses pensejarahan yang spesifik. Ia menumpukan wacana yang penting di dalam masyarakat kerana wacana mempamerkan dan membentuk kepercayaan dan kepentingan, serta mewujudkan norma dan kelakuan yang boleh diterima (Walt 1998). Secara umumya, teori ini cenderung kepada menganalisis sumber terhadap perubahan. Dalam artikel ini, pendekatan tersebut membantu tafsiran terhadap Islam dan masyarakatnya.

Konstruktivisme sosial pada dasarnya adalah berpaksikan idea yang dikemukakan oleh para sarjana dalam bidang falsafah dan sosiologi, seperti Kant, Searle, Gidden dan Durkeheim. Para sarjana berkenaan amnya menekankan bahawa keadaan sesuatu itu adalah bersifat subjektif, iaitu berdasarkan dari apa yang dibina (*construct*) oleh masyarakat sekeliling. Manakala, konstruktivisme kritikal mendapat pengaruh dari pemikiran yang menekankan peranan bahasa dan pertuturan (*speech*) melalui hasil kerja fahaman (*notion*) Wittgenstein dan teori komunikasi Habermas, yang berinspirasikan dari Searle, John Austin (yang membezakan pelbagai jenis *speech acts*) dan Foucault (wacana hubungan kuasa dan ilmu pengetahuan) dan Derrida (*deconstruction* dan idea kepada hal ehwal bersangkut paut dengan teks) (Agius 2010). Aspek ini relevan untuk membaca dialog dan representasi dalam filem sebagai unsur yang membina makna tanpa menganggap bahawa satu tafsiran sahaja semestinya diterima oleh semua penonton.

Hasil karya Alexander Wendt (1987, 1992, 1994, 1995, 1999) telah memainkan peranan yang besar di dalam mempengaruhi ramai sarjana (Jackson & Sørensen 2007). Menurut Wendt untuk memahami dasar keselamatan sesebuah negara, identiti dan keutamaannya adalah perlu dikaji kerana ia membentuk interaksi di antara negara. Wendt tidak sependapat dengan neorealist yang menyatakan anarki menyebabkan sesebuah negara bertindak *self-help*.

Melalui hasil karya beliau berjudul *Anarchy Is What States Make of It* (1992), Wendt berpendapat bahawa sesebuah negara akan bertindak mengikut keadaan budaya anarki yang telah dipraktikkan, iaitu sama ada budaya anarki Hobbesian, Lockean dan Kantian. Walaupun penulisan Wendt ini pada asalnya banyak digunakan untuk memahami hubungan dan keselamatan antarabangsa, namun prinsip umum tentang pembentukan makna boleh membantu dalam menerangkan tentang wacana keselamatan yang juga wujud dalam representatsi media.

Pandangan sosial konstruktisme dilihat telah berupaya di dalam memberikan penjelasan yang konkrit bagi kejadian 11 September. Ia memperlihatkan bagaimana norma (termasuk agama) dan budaya boleh memainkan peranan penting di dalam tindak-tanduk sesetengah individu atau kumpulan. Selain dari itu, tindakan Presiden Bush pada masa itu yang mengisytiharkan "War on Terror" juga dapat dijelaskan melalui Wendt dalam penulisannya yang bertajuk *Anarchy is What State made of it* iaitu bagaimana perbezaan kepercayaan dan amalan mempengaruhi tindak tanduk sesebuah negara dalam masyarakat antarabangsa. Ia juga turut membuktikan pendapat kontruktivis bahawa keselamatan adalah sesuatu yang dikonstruk. Di dalam hal ini Bush melalui *speech act* telah mengsekuritisasikan (mengkonstruk) terorisme atau pengganas sehingga ia mampu mempengaruhi keputusan dan tindak tanduk negara-negara lain. Artikel ini menggunapakai idea tersebut dalam meneliti naratif perang dalam perang American Sniper yang menghubungkan keganasan, keselamatan dan identiti Muslim.

Manakala, karya Wendt berjudul *Social Theory of International Politics* (1999) telah menyatakan dua rukun asas kepada konstruktivisme sosial. Rukun berkenaan adalah pertama struktur perhubungan manusia adalah ditentukan secara terlebih dahulu oleh perkongsian pendapat, bukannya dorongan material; dan kedua identiti dan kepentingan *purposive actor* adalah sesuatu yang dikonstruk oleh perkongsian pendapat ini, bukannya semula jadi (Viotti & Kauppi 2010). Dalam pada itu, para kontruktivis berpendapat bahawa adalah penting untuk melihat hubungan di antara struktur dan agen. Agen ini bukan sahaja terdiri dari negara, namun juga aktor bukan negara termasuk individu atau kumpulan, juga pertubuhan sosial, koperasi, pertubuhan antarabangsa, persatuan guaman bukan kerajaan atau beberapa golongan (Viotti & Kauppi 2010). Dalam kajian ini, filem dilihat sebagai satu teks budaya yang menawarkan gambaran tertentu tentang ancaman dan identiti. Konstruktivisme Sosial berfungsi sebagai lensa untuk memahami pembentukan makna tersebut, manakala adegan dan dialog diteliti secara kualitatif.

ISLAMOPHOBIA

Islamophobia merupakan satu konsep yang berkembang pada akhir 1990an dan awal 2000 oleh para aktivitis politik, persatuan bukan kerajaan (*non-governmetal organizations* – NGOs), dan persatuan antarabangsa untuk memberikan perhatian kepada tindakan retorik dan mendatangkan kesan yang ditujukan kepada umat Islam dalam dunia Barat yang liberal. Namun setakat ini tidak ada satu pun definisi bagi konsep ini yang diterima secara universal, malahan ia telah menjadi satu konsep yang masih diperbahaskan dewasa ini. Definisi dari Bleich (2011) boleh memberikan gambaran yang menyeluruh, dengan melihat kepada pelbagai wacana dan sudut beliau merumuskan definisi yang paling sesuai bagi Islamophobia ialah emosi atau tingkahlaku negatif sembarangan (*indiscriminate*) ditujukan kepada agama Islam dan juga orang Islam (Muslim).

Perkataan Islamophobia banyak digunakan oleh media massa Barat yang memainkan peranan sebagai agen yang berbentuk aktor bukan negara khususnya dalam mengkonstruk pemikiran dikalangan warga dunia mengaitkan Islam melalui pelbagai perkara negatif seperti

keganasan. Menurut Pelapor Khas Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, Doudou Diène (2006), tren politik dan ideologi semasa kuat dipengaruhi oleh legitimasi intelektual dan saintifik terhadap elemen perkauman dan sikap tidak bertoleransi. Tren ini jelas kelihatan dalam sejumlah buku yang diterbitkan oleh beberapa penulis dengan tujuan untuk memanfaatkan peluang dalam meningkatkan Islamophobia dan mengubah imej Islam dan umat Islam. Contohnya, Andrew Bostom dalam bukunya *While Europe Slept: How Radical Islam is Destroying the West from Within, Muslim Mafia: Inside the Secret Underworld That's Conspiring to Islamize America dan The Legacy of Jihad* menerangkan bahawa Jihad Islam bersifat pemusnah. Tidak dapat dinafikan Perang Amerika-Aghanistan dan Amerika-Iraq telah banyak memberikan ruang kepada media massa dalam mengkonstruk naratif Islamophobia ini yang dilihat semakin meningkat berikutan dengan peperangan berkenaan.

ANALISIS PROPAGANDA ISLAMOPHOBIA DALAM FILEM AMERICAN SNIPER (2014)


Persepsi terhadap ancaman Islamophobia berfungsi sebagai salah satu instrumen dalam mencapai misi propaganda anti-Islam apabila naratif tersebut diterima dan dikongsi oleh sebahagian masyarakat global. Agenda ini menjadi lebih berkesan apabila Barat memanfaatkan sepenuhnya paparan Hollywood mereka dengan menghasilkan filem-filem Box Office dalam usaha menyelitkan penyebaran sentimen Islamophobia melalui skrip dan penceritaan dalam filem.

Filem-filem Hollywood seperti *Innocence of Muslims* (2012), *American Sniper* (2014), *Zero Dark Thirty* (2012), *13 Hours: The Secret Soldiers of Benghazi* (2016) dan *The Hurt Locker* (2008) merupakan antara filem yang menyebarkan mesej Islamophobia secara tersirat. Justeru, bagi meneliti peranan media serta strategi yang digunakan dalam mengkonstruk pemikiran dan propanda Islamophoibia, kajian ini memfokuskan analisis terhadap elemen dan mesej Islamofobia yang terdapat dalam filem *American Sniper* (2014).

Filem *American Sniper* diarahkan oleh Clint Eastwood dan skripnya ditulis oleh Jason Hall. Ia diadaptasikan daripada buku *American Sniper: The Autobiography of the Most Lethal Sniper in U.S. Military History* yang ditulis oleh Chris Kyle bersama Scott McEwen dan Jim DeFelice (IMDb 2014). Filem ini mengisahkan kisah sebenar Chris Kyle sebagai penembak tepat dalam pasukan SEAL Tentera Laut Amerika Syarikat semasa Perang Iraq. *American Sniper* ditayangkan secara terhad pada 25 Disember 2014 di Amerika Syarikat sebelum menerima tayangan meluas pada 16 Januari 2015 dengan pelbagai terjemahan bahasa (AllMovie 2014). Filem ini diterbitkan oleh Warner Bros. Pictures bersama beberapa syarikat produksi lain dengan anggaran kos penerbitan sebanyak AS$58.8 juta (Box Office Mojo 2014).

Penggambaran *American Sniper* dilakukan di Maghribi selama 11 hari bermula pada bulan April 2014 (Block 2015). Filem ini menggabungkan elemen aksi, drama dan perang dengan sub-genre biografi, khususnya menceritakan tentang heroisme Chris Kyle. Dialog awal filem menekankan tema heroisme ini dengan aksi tembakan Chris Kyle dari bangunan tinggi.

Secara keseluruhan, *American Sniper* (2014) memberi tumpuan kepada tema perang melawan terorisme, yang ditunjukkan melalui latihan ketenteraan dan dialog yang menegaskan niat untuk membunuh teroris. Visual dalam filem sering menampilkan orang Islam sebagai pengganas dengan ciri-ciri stereotaip seperti janggut panjang dan serban. Filem ini juga memaparkan tragedi 11 September 2001 dan serangan terhadap kedutaan Amerika Syarikat sebagai sebahagian dari naratif perang melawan musuh Islam.



RAJAH 1. Elemen Propaganda Islamophobia dalam Filem American Sniper (2014).

Berdasarkan Rajah 1 di atas dapat dilihat terdapatnya elemen-elemen propaganda yang dikonstruk secara jelas mahupun tersirat cuba disampaikan dan diterapkan dalam babak-babak filem *American Sniper* (2014) ini. Bermula daripada babak awal filem telah menggambarkan latihan ketenteraan untuk menentang teroris. Dialog yang menyatakan "I came here to kill terrorists" ditujukan kepada orang Islam, menyokong tema utama penerbit filem yang menekankan perang melawan terorisme. Filem ini menyampaikan mesej Islamophobia dengan memaparkan aktiviti keganasan oleh orang Islam termasuk serangan teroris seperti yang dilaporkan oleh CNN tentang serangan di kedutaan Amerika Syarikat di Dar Es Salaam, Tanzania dan Nairobi, Kenya. Pengganas Muslim sering digambarkan sebagai bangsa Arab dengan ciri-ciri seperti janggut panjang, berserban dan memegang senjata. Selain itu, filem ini juga terdapat babak yang memaparkan tragedi 11 September 2001 melalui sedutan siaran berita CNN yang menghubungkan naratif keganasan dengan peristiwa yang menjadi titik penting dalam pembentukan wacana perang terhadap terorisme.

MENIMBULKAN KETAKUTAN SECARA BERLEBIH-LEBIHAN TERHADAP MUSLIM DAN NEGARA-NEGARA ISLAM

Kajian menunjukkan bahawa mesej anti-Islam dalam bahagian ini disampaikan dengan ketara melalui suasana perang yang menakutkan. Di permulaan filem *American Sniper* (2014), adegan menunjukkan kesan perang yang dahsyat di Fallujah, Iraq. Adegan secara visual menunjukkan bangunan kosong yang ditinggalkan oleh penduduk Iraq, dengan kesan runtuhan bangunan dan kereta yang terbiar di jalan.

Selain itu, terdapat adegan yang menampilkan kamera dari pandangan yang tinggi yang memperlihatkan kehancuran menyeluruh dan memaparkan panorama sebuah negara Islam, termasuk masjid-masjid di tengah bandar, diikuti dengan helikopter yang berlegar di awan dan kepulan asap bom. Babak lain menunjukkan suasana bandar Fallujah yang berasap akibat serangan bom dan bunyi tembakan.

Pada puncak pertempuran antara Chris dan Mustafa, yang menyaksikan kematian Mustafa dari jarak 2100 meter, teknik kamera slow-motion digunakan untuk memaparkan persekitaran bandar termasuk menara masjid. Ribut pasir yang besar menambah suasana yang menakutkan. Pasukan GRF Viper 34 tersasar menembak dari helikopter akibat cuaca buruk, mencipta suasana tegang yang menimbulkan ketakutan terhadap negara Islam.

Keadaan yang tidak aman dan sering diserang seperti yang digambarkan dalam filem ini, menambah rasa takut kepada agama Islam. Selain daripada adegan luaran, beberapa adegan dalaman turut menimbulkan ketakutan. Misalnya, ketika Marc Lee dalam dialognya, Marc

Lee*:* "AQI (Al-Qaeda) have put a price on your heads and extremists from around the globe are flooding the borders to collect into it" (*American Sniper 2014*).

Situasi ini jelas memberitahu tentang ancaman Al-Qaeda terhadap angota tentera Amerika Syarikat. Babak lain menunjukkan Kolonel Jones memegang poster yang memaparkan tawaran ganjaran Al-Qaeda yang menakutkan di mana dikatakan Al-Qaeda menawar harga yang tinggi terhadap kepala Chris dan ditambah ketegangan tersebut dengan dialog antara Kolonel Jones dan Kapten Martins iaitu, Kolonel Jones: "You are the most wanted man in Iraq. Kapten Martins: There's 180,000 (US Dollar) on your head. Congrats" (*American Sniper 2014*).

Ancaman ini, meskipun ringkas, berjaya mengkonstrukkan pemikiran penonton dengan mesej propaganda ketakutan yang melampau anti-Islam yang disampaikan dengan menghasut rasa Islamophobia.

DISKRIMINASI, PREJUDIS DAN STEREOTAIP TERHADAP MUSLIM

Dalam beberapa adegan, filem *American Sniper* (2014) menyampaikan mesej Islamophobia melalui prasangka, stereotaip dan diskriminasi terhadap Islam. Contohnya, satu babak menunjukkan seorang wanita Iraq memberikan bom tangan kepada seorang kanak-kanak untuk dilemparkan ke arah askar Amerika. Adegan ini menampilkan kanak-kanak tersebut dengan berani memegang senjata berbahaya, menimbulkan anggapan bahawa aktiviti keganasan adalah biasa bagi mereka. Ini boleh menguatkan prasangka terhadap Islam dengan mengkonstrukkan bahawa kanak-kanak terlibat dalam tindakan ganas. Selain daripada adegan tersebut, penggunaan istilah "evil" oleh Chris juga menunjukkan pembentukan stereotaip negatif terhadap orang Islam. Dalam dialognya, Chris menyatakan, "There was a kid who...barely had any hair on his balls. Mother gives him a grenade, sends him out here to kill marines. Dude, that's evil like I never seen before" (*American Sniper 2014*).

Seterusnya, dalam adegan ketika Chris menyertai pasukan Marin dalam menyerbu sebuah rumah, anggota Marin yang bernama Sanchez menunjukkan sikap prasangka terhadap Sheikh al-Obeidi dengan menyatakan bahawa al-Obeidi akan meletupkan mereka sebaik sahaja mereka memasuki rumah tersebut. Dikonstrukkan pemikiran penonton dengan dialog dalam adegan ini yang jelas adanya elemen prejudis terhadap golongan pendakwah agama Islam. Dialog yang diungkapkan adalah Sanchez: "No. This Hajji just wants us all in here so he can blow us up. Go check his ass for a vest" (*American Sniper 2014*).

Namun, persepsi prejudis dan stereotaip tersebut terbukti tidak benar sama sekali kerana Obeidi hanyalah seorang individu awam yang sama sekali tidak memiliki senjata. Seterusnya, beberapa minit kemudian, Chris menunjukkan sikap prasangka terhadap tuan rumah warga Iraq apabila dia memerhatikan siku hitamnya ketika mengambil buku yang jatuh dari anaknya. Tanda hitam pada siku tersebut yang dianggap sebagai kebiasaaan tanda yang ada pada mereka yang sering kali menembak seperti yang diperhatikan oleh Chris, membuatnya terhenti makan secara tiba-tiba dan mencari bukti yang menunjukkan bahawa tuan rumah tersebut merupakan seorang pengganas dan untuk menyampaikan mesej prejudis tersebut dilihat adegan ini mengesahkan bahawa tuan rumah tersebut terlibat dalam aktiviti keganasan apabila Chris menemui pelbagai jenis senjata api di dalam rumah lelaki tersebut. Segala adegan yang ditonjolkan dalam beberapa babak *American Sniper* (2014) ini jelas menunjukkan persepsi ancaman yang sedang dikonstruk dalam platform filem ini agar penonton akan tenggelam dalam pemahaman bahawa agama Islam sememangnya agama pengganas dan keganasan dan diskriminasi, prejudis dan stereotaip adalah cara untuk menghalalkan persepsi Islamophobia terhadap Islam secara keseluruhannya.

PERASAAN KEBENCIAN YANG MEMBARA DAN MELAMPAU TERHADAP ISLAM

Dalam filem *American Sniper* (2014), terdapat banyak adegan yang mencerminkan kebencian terhadap Islam. Salah satunya ialah adegan di mana Chris menembak dengan penuh kemarahan semasa latihan selepas mengetahui serangan pengganas ke World Trade Centre (WTC). Selain itu, terdapat beberapa adegan yang menampilkan kebencian Chris terhadap Islam, terutamanya ketika dia melepaskan tembakan dengan ekspresi wajah yang penuh dendam terhadap musuhnya Mustafa, lebih-lebih lagi musuh tersebut adalah beragama Islam.

Dalam satu adegan di dalam khemah operasi, Marc Lee mengungkapkan tentang misi mereka di Iraq di mana Chris cuba meyakinkan Marc bahawa mereka berjuang melawan kejahatan yang mungkin meresap hingga ke San Diego dan New York. Marc, sebagai balasan, mengeluarkan kata-kata "Mari bunuh mereka", yang mencerminkan kebencian terhadap kumpulan pengganas Muslim yang terlibat dalam serangan seperti serangan ke WTC.

Selain itu, terdapat adegan yang menunjukkan kekerasan Chris dan pasukan Marin menyerbu rumah Al-Obeidi, di mana seorang askar Marin menumbuk Al-Obeidi dan Chris mengancam anak lelaki bisu Al-Obeidi dengan senjata. Tindakan ini mencerminkan bentuk kebencian yang ekstrem terhadap Muslim, walaupun itu adalah rumah mereka sendiri. Gambaran tersebut dapat diperhatikan melalui dialog antara Sheikh al-Obeidi dan Chris Kyle: "I am Sheikh al-Obeidi. Chris Kyle: Sheik alla-who?! Who the fuck are you?! Sheikh al-Obeidi: This is my home! I stay! Chris Kyle: I don't give a fuck it's your home!" (*American Sniper 2014*).

KESIMPULAN

Media massa secara keseluruhannya merupakan satu senjata yang penting dalam mengkonstruk minda masyarakat sejagat. Strategi yang digunapakai melalui manipulasi dalam pelbagai bentuk terutamanya melalui filem yang dilihat lebih mudah untuk menembusi pemikiran penonton dengan menyelitkan mesej-mesej yang beserta dengan propaganda tertentu yang ingin disampaikan dalam media massa seringkali diungkapkan sebagai instrumen yang paling mudah untuk dicapai, senang didapati dimana jua dan pada bila-bila masa oleh semua lapisan masyarakat. Ini jelas dikupas melalui analisis filem *American Sniper* (2014) yang dlihat menyemai naratif Islamophobia dengan mewujudkan persepsi ancaman terhadap agama dan masyarakat Islam sejagat dengan elemen diskriminasi, prejudis, stereotaip dan sebagainya. Elemen kebencian terhadap Islam yang melampau dan berlebih-lebihan dilihat amat bahaya dan dikhuatiri hanya akan mencetuskan fenomena yang merosakkan hubungan antarabangsa pada masa akan datang. Justeru, langkah pencegahan perlu diambil bagi mengekang penularan manipulasi media dalam mengkonstruk persepsi ancaman tidak kira dalam apa jua aspek dan terutamanya yang melibatkan isu etnik mahupun agama.

RUJUKAN

Agius, C. 2010. Social constructivism. In *Contemporary Security Studies*, 2nd ed., edited by A. Collins, 49-68. Oxford: Oxford University Press.

Ahmed, N.M. 2015. Islamophobia as a securitization narrative: The exclusionary logic of imperial geopolitics. In *Genocidal Nightmares: Narratives of Insecurity and the Logic of Mass Atrocities*, edited by A. El-Affendi, 191-210. London: Bloomsbury Academic.

AllMovie. 2014. *American Sniper*. Available at: http://www.allmovie.com/movie/american-sniper-v581791/cast-crew

Bleich, E. 2011. What Is Islamophobia and How Much Is There? Theorizing and Measuring an Emerging Comparative Concept. *American Behavioral Scientist* 55(12): 1581-1600. https://doi.org/10.1177/0002764211409387

Block, A.B. 2015. The making of *American Sniper*: How an unlikely friendship kickstarted the Clint Eastwood film. *The Hollywood Reporter*. Available at: http://www.hollywoodreporter.com/news/making-american-sniper-how-an-760963

Box Office Mojo. 2014. *American Sniper*. Available at: http://www.boxofficemojo.com/movies/?page=main&id=americansniper.htm

Diène, D. 2006. *Report of the Special Rapporteur on Contemporary Forms of Racism, Racial Discrimination, Xenophobia and Related Intolerance, Doudou Diène: Addendum*. United Nations, Commission on Human Rights. Available at https://digitallibrary.un.org/record/566139?ln=en&v=pdf

IMDb. 2014. American Sniper. Available at https://www.imdb.com/title/tt2179136/

Jackson, R. & Sørensen, G. 2007. *Introduction to International Relations: Theories and Approaches*. 3rd edition. Oxford: Oxford University Press.

Pratt, D. (2011). Islamophobia: ignorance, imagination, identity and interaction. *Islam and Christian–Muslim Relations* 22(4): 379–389. https://doi.org/10.1080/09596410.2011.606185

Viotti, P.R. & Kauppi, M.V. 2010. *International Relations Theory*. 4th edition. Upper Saddle River: Pearson Education.

Walt, S. M. 1998. International Relations: One World, Many Theories. *Foreign Policy* 110: 29–46. https://doi.org/10.2307/1149275

PENULIS DAN MAKLUMAT PENULIS

Norsannah Hamzah
Institut Kajian Etnik
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, Malaysia
E-Mail: p144785@siswa.ukm.edu.my

Prof Dr Kartini Aboo Talib @ Khalid
Chair of Malaysian Studies, Victoria University of Wellington
Principal Fellow, Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Research Fellow, Faculty of Arts & Social Sciences, Universiti Malaya
E-Mail: k_kartini@ukm.edu.my